

21 OCT 1999

Sanusi-Jasa

RAKYAT PERLU KENANG JASA PARTI MEMERINTAH

ALOR SETAR, 21 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata, rakyat perlu mengenang jasa parti memerintah kerana kerajaan sekarang memberi mereka peluang untuk menikmati keselesaan hidup.

Beliau berkata, semua kemudahan dan keselesaan yang mereka nikmati bukannya hak yang harus mereka nikmati tetapi adalah disebabkan jasa yang diberikan oleh parti pemerintah.

"Jika kita perlukan oksigen untuk hidup, manusia mempunyai hak untuk menyedut udara bersih itu tanpa perlu kita berterima kasih kepada kerajaan yang ada.

"Tetapi jika kita telah menikmati kehidupan selesa, disebabkan memiliki tanah dan rumah di kawasan tanah rancangan seperti Felda, itu bukannya hak, ianya merupakan jasa dari kerajaan dan kita perlu berterima kasih kepada kerajaan yang memberi kemudahan itu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis pemimpin bersama usahawan tani seluruh negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sekolah Menengah Batu 18, Sedaka di Yan, dekat sini.

Sanusi berkata, kakitangan awam yang sering mengkritik dan memburukkan kerajaan perlu sedar bahawa mereka diberi peluang bekerja kerana jasa kerajaan itu sendiri.

Beliau berkata kakitangan kerajaan perlu setia dan mengenang jasa terhadap majikan yang membayar gaji mereka.

-- BERNAMA

MN FAZ